

**UCAPAN PRESIDEN MUIS
HJ MOHD ALAMI MUSA
DI MAJLIS WATIKAH MASJID-MASJID
RABU, 4 OGOS 2010
DI MUIS**

Kita akan menyambut Hari Kebangsaan dalam beberapa hari lagi. Perayaan Hari Kebangsaan mengingatkan kita bahawa kita adalah rakyat sebuah negara merdeka yang mempunyai ciri-ciri unik. Antara ciri unik Singapura adalah ciri berbilang budaya dan ciri sekularnya.

2 Seperti rakyat Singapura yang lain, umat Islam merasa selesa hidup dalam masyarakat berbilang budaya dan negara sekular. Mereka yakin bahawa kehidupan mereka sebagai Muslim di negara silang budaya serta sekular seperti di Singapura ini tidak bercanggah dengan roh dan syariat Islam. Malah, mereka merasakan bahawa kehidupan beragama mereka memaparkan semangat keIslaman yang berakar kepada asas-asas agama.

3 Perkara ini diakur oleh para sarjana Islam apabila mereka membincangkan kehidupan umat Islam dalam masyarakat berbilang budaya di persidangan antarabangsa anjuran Muis pada bulan lepas. Misalnya, Prof Tariq Ramadan telah menyeru agar umat Islam meninggalkan mentaliti bahawa mereka adalah kaum yang “dijadikan mangsa” (victim mentality) dan mengambil sikap positif untuk membuat sumbangan yang membawa pembaharuan (iaitu “transformative reform”). Menurut beliau, dengan membuat sumbangan-sumbangan bermakna, umat Islam yang hidup dalam masyarakat berbilang budaya akan lebih dihormati dan diterima baik oleh golongan majoriti yang bukan Muslim. Imam Feisal menasihati umat Islam yang hidup dalam masyarakat

majmuk dan berbilang budaya supaya jangan mempolitikkan Islam dan jangan bertindak untuk menubuhkan negara Islam. Malah, Prof Abdullah Saeed berpendapat bahawa apa sahaja perundangan negara yang menghidupkan semangat Syariah (seperti mempertahankan prinsip keadilan, kebebasan serta kesaksamaan), merupakan perundangan yang selari dengan ajaran Islam. Beliau mengingatkan umat Islam supaya mendokong konsep “kerakyatan sama-rata” (equal citizenship) apabila hidup dalam masyarakat berbilang budaya dengan tidak meminta agar diwujudkan peraturan-peraturan istimewa untuk kaum Muslim, apabila peraturan yang sedia ada bagi semua rakyat dapat memenuhi keperluan masyarakat Islam.

4 Banyak lagi pandangan-pandangan dari sarjana yang lain seperti Prof Azyumardi Azra dan Prof Sherman Jackson yang sehaluan dengan apa yang telah saya sebutkan. Pendek kata, kita boleh membuat kesimpulan bahawa para sarjana bersetuju bahawa kehidupan di negara sekular sebagai peserta serta penyumbang dan falsafah berbilang budaya yang dijayakan dengan telus dan berkesan, boleh memberi kesejahteraan hidup beragama umat Islam. Malah para sarjana percaya bahawa kehidupan umat Islam di negara sekular dan berbilang budaya seperti di Singapura ini boleh dijadikan contoh bagaimana umat Islam harus hidup di dunia pada hari ini.

5 Kami sempat berbincang dengan para sarjana ini mengenai umat Islam di Singapura. Mereka memuji kejayaan umat Islam Singapura menyesuaikan diri mereka dengan konteks negara Singapura. Para sarjana ini berpendapat bahawa masyarakat Islam Singapura berada di atas landasan yang betul di dalam pengurusan kehidupan beragama dalam konteks sekular serta berbilang budaya.

6 Saya telah mongongsi pola-pola pemikiran sarjana-sarjana Islam dengan anda sekalian sebagai pemimpin masjid oleh kerana saya ingin pemimpin-pemimpin masjid menguatkan keyakinan diri dan membantu mengukuhkan jati diri umat Islam sebagai Muslim yang baik dan juga rakyat Singapura yang baik. Anda boleh berbuat demikian melalui masjid. Sebagai anggota Lembaga Pentadbir, anda mempunyai peluang mencorak kehidupan beragama masyarakat kita.

7 Setiap Lembaga Pentadbir yang baru dilantik dikehendaki melakar pelan bertindak dua tahun. Saya ingin menyarankan agar pelan bertindak ini merangkumi program-program berbentuk “hablum-minannas” (iaitu program yang mengukuhkan etos kelslaman yang menguatkan hubungan sesama insan) selain dari merangkumi aspek-aspek “hablum-minaAllah” (iaitu hubungan insan dengan Allah swt).

8 Program-program “hablum-minannas” ini boleh disasarkan untuk menguatkan ikatan kekeluargaan kita; ukhuwwah Islamiah di kalangan umat Islam tempatan serta dengan umat Islam sejagat; kesatuan sosial kita dengan golongan bukan Islam dan akhir sekali rasa cinta kita kepada tanah air. Ini adalah rangkaian hubungan antara insan yang menyeluruh (“total”) yang boleh dikukuhkan oleh masjid kita.

9 Saya mahu semua anggota LPM yang akan dilantik pada hari ini mengambil kira agenda “hablum-minannas” ini selain dari agenda hablum-minaAllah” di dalam program-program dakwah dan kelslaman yang akan dijalankan untuk tempoh dua tahun yang akan datang. Kuatkan minda, emosi dan kerohanian masyarakat kita supaya mereka

akan terus mendukung cara hidup keSingapuraan berdasarkan kepada konteks berbilang budaya dan sekular.

10 Akhir kata, saya menyeru para pemimpin masjid kita supaya memainkan peranan penting untuk membangunkan identiti Muslim Singapura sebagai Muslim yang baik dan pada masa yang sama, rakyat yang baik. Marilah kita bersama-sama untuk menguatkan kedudukan agama dan kedudukan masyarakat kita di dalam konteks negara berbilang budaya dan sekular.

Sekian. Terima kasih